

Tun M tekad tumbangkan Umno dalam PRU-14

SelangorKini.my

Januari 7, 2018

SHAH ALAM, 7 JAN: Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad bertekad untuk menumbangkan Umno yang pernah dipimpin beliau satu ketika dahulu selama 22 tahun.

Beliau yang mula menjadi ahli Umno sejak 1946 mengakui dirinya kini berusaha berjuang menjatuhkan parti itu yang disifatkannya jauh menyimpang daripada agenda perjuangan sebenar.

“Saya presiden Umno selama 22 dan mula menjadi ahli sejak tahun 1946.

“Kali ini saya berjuang untuk meruntuhkan Umno. Tidak mudah menjatuhkan parti kesayangan saya hampir 60 tahun.

“Walaupun sayang atau tidak, saya perlu berjuang menjatuhkannya bersama parti lain,” katanya.

Dalam ucapan sempena Konvensyen Pakatan Harapan 2018 beliau turut mengakui bukan mudah untuk membentuk dan menyertai gerakan yang dahulunya kurang senang dengannya terutama ketika menjadi Perdana Menteri.

Tetapi bagi Tun Mahathir, menjatuhkan pimpinan yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah lebih utama berbanding kisah lampau demi menyelamatkan Malaysia.

“Bukan mudah menyertai gerakan yang dahulunya tidak senang dengan saya. Tetapi usaha menjatuhkan Najib lebih utama daripada perasaan lain maka saya sanggup bekerjasama dan mendengar kecaman terhadap parti saya dahulu.

“Saya tidak akan pertahankan kecaman-kecaman terhadap parti yang saya pimpin selama 22 tahun,” katanya.

Dalam ucapannya bekas Perdana Menteri keempat itu turut mengucapkan terima kasih kepada Pakatan Harapan kerana mencalonkan beliau sebagai calon Perdana Menteri jika mereka berjaya menawan Putrajaya selepas PRU-14.

© Copyright 2016 - Developed for the People of Selangor

Source: <https://selangorkini.my/2018/01/tun-m-tekad-tumbangkan-umno-dalam-pru-14/>